



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Peralatan

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Peralatan. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini direka untuk Peralatan Bergerak yang tidak dilesenkan untuk kegunaan di jalan raya. Peralatan bergerak merujuk kepada kenderaan digerakkan sendiri seperti forklif, mesin pengorek, kren bergerak, traktor dsb. Polisi ini juga sesuai untuk peralatan berat statik yang direka untuk dikendalikan di luar atau di dalam sesebuah premis.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan peralatan, alat tambahan dan alat gantinya yang standard atas sebab:

- (a) Berlanggar atau terbalik akibat kemalangan atau berlanggar atau terbalik akibat gangguan mekanikal.
- (b) Kebakaran, letupan luaran, menyala dengan sendiri atau berkilat
- (c) Pecah masuk, rompakan atau kecurian

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan pihak kami dan jumlah diinsuranskan ke atas risiko tersebut.

Jumlah Diinsuranskan : RM _____

Kadar dikenakan : _____ %

Jumlah premium teranggar anda yang perlu bayar ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda mesti mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan peralatan yang diinsuranskan.
- Anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian -
 - a) Dasar Nilai Pasaran - pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang hilang atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
 - b) Dasar Nilai Penggantian - pihak kami akan mengembalikan semula membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian harta anda.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan bagi harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans berkurangan), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung rugi anda.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian, kemusnahan atau kerosakan:

- Di luar Had Wilayah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.
- Peralatan itu dilesenkan untuk kegunaan di jalan raya dan ditakrifkan dalam Akta Lalu Lintas Jalan Raya.
- Semasa dalam proses transit (termasuk proses memuat dan memunggah)
- Semasa peralatan itu digunakan:
 - a) Untuk berlumba, membuat rentak, ujian ketahanan, demonstrasi atau ujian kelajuan
 - b) Untuk membawa penumpang
 - c) Semasa menarik treler atau menunda mana-mana kenderaan melainkan penundaan kenderaan tersebut bukan bertujuan untuk ganjaran
 - d) Tiada berkaitan dengan perniagaan Pihak Yang Diinsuranskan
- Semasa dikendalikan oleh Operator Diberikuasa yang di bawah pengaruh arak atau dadah.
- Semasa Peralatan itu dikendalikan di atas mana-mana kapal di perairan
- Kerugian turutan atau liabiliti undang-undang atau apa-apa sifat berkaitan

- Berpunca atau disebabkan oleh:
 - a) Keahasnan dan keusangan, susut nilai, beransur-ansur buruk, berkulapuk, gegat, binatang perosak atau mana-mana proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pengembalian atau pembaikpulihan;
 - b) Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi berupa perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - c) Dahagi, mogok, rusuhan, pergaduhan awam, kebangkitan tentera atau orang awam, pemberontakan, penentangan, revolusi, ketenteraan atau perampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan, atau apa-apa kejadian atau penyebab yang menetapkan pengisytiharan atau penguatkuasaan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
 - d) Penangguhan, penyitaan atau perampasan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan.

Nota: Senarai ini bukanlah senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Peralatan atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan

- Insurans Wang
- Insurans Semua Risiko
- Insurans Jaminan Setia
- Insurans Pecah Masuk
- Insurans Kaca

NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.